

# Meningkatkan Taraf Isi Rumah B40 ke Arah Masyarakat Kelas Menengah

## **PENGENALAN**

**RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH,  
2011-2015: KEMAJUAN**

## **ISU DAN CABARAN**

Ketidaksamaan Sosioekonomi

Pencapaian Pendidikan dan Penguasaan  
Kemahiran yang Rendah

Pekerjaan Berkemahiran dan Bernilai Tambah  
Rendah

Kurang Keupayaan Keusahawanan

Peningkatan dalam Kos Sara Hidup

Keberhutangan yang Tinggi

Pelaksanaan Program Jaringan Keselamatan  
Sosial secara Silo dan Berasingan

Ketidakupayaan Memiliki Rumah

Capaian Terhadap kepada Perkhidmatan Kesihatan  
yang Berkualiti

**RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS,  
2016-2020: HALA TUJU**

Meningkatkan Pendapatan dan Kekayaan Isi  
Rumah B40

Menangani Peningkatan Kos Sara Hidup

Memperkuh Sistem Penyampaian Program Isi  
Rumah B40

## **KESIMPULAN**

## Kertas Strategi

# 2

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Blok B5 & B6  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>

Tel.: 603-8000 8000

Faks.: 603-8888 3755

---

Hakcipta Penerbit ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri**.

## I. PENGENALAN

2.1 Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015, pendekatan pembangunan inklusif merupakan strategi utama ke arah mencapai masyarakat yang makmur dan saksama, tanpa mengira gender, kumpulan etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Pendekatan ini akan menyediakan peluang yang saksama kepada rakyat Malaysia untuk terlibat dan mendapat manfaat daripada ekonomi. Tumpuan telah diberikan untuk menangani poket kemiskinan dan ketidakseimbangan sosioekonomi, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40)<sup>1</sup>. Program yang dilaksanakan telah meningkatkan pendapatan isi rumah, mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup isi rumah B40.

2.2 Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, akan memberi tumpuan khusus kepada meningkatkan lagi ekonomi rakyat di samping memastikan *capital economy* negara terus berkembang. Ekonomi rakyat akan berorientasikan rakyat, meliputi kepentingan dan keutamaan rakyat seperti kos sara hidup, pendapatan isi rumah, peluang pendidikan dan pekerjaan, keusahawanan serta jaringan keselamatan sosial.

## II. RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

2.3 Dalam tempoh RMKe-10, program pendidikan, latihan dan keusahawanan telah dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40; kemudahan asrama dan bantuan kewangan telah disediakan bagi kanak-kanak isi rumah B40; inisiatif jaringan keselamatan sosial telah dilaksanakan; dan keperluan kumpulan sasar khusus, termasuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak telah ditangani.

2.4 *Meningkatkan Potensi Penjanaan Pendapatan Isi Rumah B40.* Usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah luar bandar dan meningkatkan penyertaan isi rumah bandar dalam ekonomi melalui aktiviti penjanaan pendapatan, pembangunan modal insan dan program sokongan perusahaan mikro. Di luar bandar, peluang pemilikan perniagaan telah disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang mana pendapatan seramai 225,867 daripada jumlah peserta telah meningkat lebih RM2,000 sebulan. Di bandar, seramai 8,580 peserta telah menyertai latihan keusahawanan. Butiran terperinci program adalah seperti dalam *Paparan 2-1*.

---

<sup>1</sup> Isi rumah B40 merujuk kepada isi rumah berpendapatan sehingga RM3,855 (berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014)

## Paparan 2-1

## Inisiatif Meningkatkan Potensi Penjanaan Pendapatan Isi Rumah B40

	Program	Pencapaian
Meningkatkan kualiti hidup isi rumah luar bandar	Menyediakan program sokongan secara menyeluruh untuk perniagaan mikro	7,801 peserta
	Menyediakan peluang untuk memiliki perniagaan kepada usahawan luar bandar yang berkeupayaan	Pendapatan 225,867 peserta meningkat melebihi RM2,000 sebulan
	Menghubungkan tenaga kerja berkemahiran dari luar bandar dengan majikan dalam kluster berkaitan dan bandar berhampiran	701 telah dilatih untuk pepadanan peluang pekerjaan
	Meningkatkan pendapatan secara berterusan bagi sektor pertanian melalui konsep agropolitan dan perladangan kontrak	Pendapatan 3,486 peserta meningkat sebanyak RM1,200 sebulan
	Meningkatkan produktiviti modal insan dalam pertanian luar bandar dan industri asas tani	Pendapatan 38,663 peserta meningkat sekurang-kurangnya RM300
	Meningkatkan produktiviti dan hasil melalui penyatuan tanah	Getah 1,276.45 kg/ha Kelapa sawit 15.54 TM/ha (2012)
Meningkatkan penyertaan isi rumah bandar dalam aktiviti ekonomi	Menubuhkan pusat kemahiran industri khusus berasaskan keperluan di lokasi keperluan	3,100 peserta mendapat latihan kemahiran
	Memperluas program sokongan entrepris mikro	8,580 peserta mendapat latihan keusahawanan
	Memperluas konsep inkubator untuk meningkatkan keusahawanan dan peluang pekerjaan	1,726 inkubator GiatMARA dibangunkan
Meningkatkan pendapatan isi rumah melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	Penyumberan pelbagai melalui E-rezeki untuk menjana pendapatan	39,518 peserta dengan jumlah pendapatan sebanyak RM6.87 juta

2.5 *Membantu Kanak-kanak dalam Kalangan Isi Rumah B40 untuk Mempertingkatkan Pencapaian Pendidikan dan Kemahiran.* Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan kanak-kanak isi rumah B40. Inisiatif ini termasuk pelaksanaan program 1Asrama dan Asrama Desa yang mengurangkan keciciran pelajar daripada 47,260 orang pada 2010 kepada 43,428 orang pada 2013. Di samping itu, dalam tempoh 2011 - 2014, 1.51 juta pelajar telah mendapat manfaat daripada bantuan kewangan termasuk Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Butiran terperinci program adalah seperti dalam *Paparan 2-2*.

## Paparan 2-2

## Membantu Kanak-kanak dalam Kalangan Isi Rumah B40 untuk Mempertingkatkan Pencapaian Pendidikan dan Kemahiran

	Program	Pencapaian
Membantu kanak-kanak dalam kalangan isi rumah 40% terendah untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan dan kemahiran	Menyediakan akses kepada peluang pendidikan	Kadar keciciran pelajar berkurang dari 51,509 pada tahun 2010 kepada 45,726 pada tahun 2013
	Menyediakan bantuan pendidikan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT)	1.51 juta pelajar mendapat manfaat
	Menyediakan kemudahan biasiswa kepada pelajar bagi menyambung pendidikan ke peringkat tertiar	20,570 pelajar menerima biasiswa (2012)

2.6 *Memperkukuh Jaringan Keselamatan Sosial untuk Membantu Kumpulan Mudah Terjejas.* Pelbagai inisiatif jaringan keselamatan sosial (SSN) telah dilaksanakan untuk menangani isu kumpulan mudah terjejas dan melindungi isi rumah B40 daripada kesan kejutan ekonomi. Ini termasuk bantuan perumahan seperti Program Bantuan Rumah (PBR), Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Mampu Milik di mana seramai 55,000 isi rumah telah menerima bantuan. Pada tahun 2013, sejumlah 493,076 orang telah mendapat manfaat daripada program sokongan pendapatan untuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang tidak bekerja. Butiran terperinci program adalah seperti dalam *Paparan 2-3*.

### Paparan 2-3

#### Inisiatif bagi Memperkukuh Jaringan Keselamatan Sosial untuk Membantu Kumpulan Mudah Terjejas

	Program	Pencapaian
Memperkukuh jaringan keselamatan sosial untuk membantu kumpulan mudah terjejas	Menyediakan program bantuan rumah kepada isi rumah miskin yang layak di bandar dan luar bandar seperti Program Bantuan Rumah (PBR), Rumah Mesra Rakyat dan Rumah Mampu Milik.	55,000 isi rumah menerima bantuan perumahan
	Menyediakan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia dan perkhidmatan doktor udara	Lebih daripada 9.2 juta pesakit mendapat manfaat daripada 254 buah Klinik 1Malaysia, 12 Klinik Bergerak 1Malaysia dan 13 perkhidmatan doktor udara
	Menyediakan program bantuan kewangan seperti pindahan tunai kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang tidak bekerja	493,076 individu mendapat manfaat
	Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)	7 juta individu mendapat manfaat

2.7 *Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus.* Keperluan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak telah diberi tumpuan melalui program pemilikan dan pembangunan tanah serta program latihan kemahiran. Pewartaan Hak Tanah Adat (NCR) seluas 32,561 hektar untuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, 26,956 hektar bagi Bumiputera di Sabah dan 558,571 hektar bagi Bumiputera di Sarawak telah dilaksanakan. Bilangan Orang Asli yang menerima latihan kemahiran telah meningkat dari 435 orang pada tahun 2011 kepada 3,750 orang pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, seramai 2,100 orang Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak telah mendapat manfaat daripada program latihan kemahiran.

2.8 Di samping itu, seramai 4,446 penduduk Kampung Baru Cina telah menerima bantuan di bawah Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina. Dalam tempoh 2011-2014, jumlah pinjaman yang disalurkan adalah sebanyak RM142 juta. Seramai 167,500 orang India miskin telah mendapat manfaat daripada program keusahawanan dan latihan kemahiran. Daripada jumlah tersebut, seramai 10,000 belia telah mengikuti program latihan kemahiran, 30,000 peserta telah menyertai program latihan keusahawanan dan 127,500 pelajar sekolah rendah dan menengah mendapat manfaat daripada program pengukuhan pendidikan.

### III. ISU DAN CABARAN


2.9 Program yang dilaksanakan sepanjang tempoh RMKe-10 telah meningkatkan taraf hidup isi rumah B40. Walau bagaimanapun, jurang sosioekonomi masih wujud, terutamanya dalam kalangan isi rumah B40 dan kumpulan mudah terjejas. Terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani.

#### Ketidaksamaan Sosioekonomi

2.10 Jurang pendapatan masih wujud walaupun pendapatan bulanan purata bagi isi rumah B40 mencatatkan kadar peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 12% berbanding 7.5% bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (isi rumah T20). Pendapatan bulanan purata isi rumah B40 adalah RM2,537 pada tahun 2014 berbanding RM14,305 bagi isi rumah T20. Di samping itu, pendapatan bulanan penengah isi rumah B40 adalah RM2,629 berbanding isi rumah T20 sebanyak RM11,610 seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-4*.

#### Paparan 2-4


#### Pendapatan Bulanan Purata dan Penengah Mengikut Kumpulan Pendapatan Isi Rumah, 2009 dan 2014



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2.11 Ketidaksamaan pendapatan antara isi rumah B40 dan T20 masih wujud walaupun nisbah ketidaksamaan pendapatan telah berkurang daripada 1:6.94 pada tahun 2009 kepada 1:5.64 pada tahun 2014, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-5*. Berdasarkan strata, nisbah ketidaksamaan pendapatan antara isi rumah B40 dan T20 di bandar telah berkurang kepada 1:5.36 pada tahun 2014. Nisbah ketidaksamaan di luar bandar adalah lebih kecil dan bertambah baik iaitu 1:4.65 pada tahun 2014. Nisbah ketidaksamaan pendapatan keseluruhan antara luar bandar dan bandar telah berkurang daripada 1:1.85 kepada 1:1.78 dalam tempoh tersebut.


*Paparan 2-5*  
**Nisbah Ketidaksamaan Pendapatan antara Isi Rumah B40 dan T20**  
**Mengikut Strata, Malaysia, 2009 and 2014**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2.12 Ketidakeimbangan pendapatan keseluruhan telah mengecil seperti yang ditunjukkan oleh pengurangan pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.401 pada tahun 2014. Berdasarkan strata, pengagihan pendapatan turut bertambah baik seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-6*.

*Paparan 2-6*  
**Pekali Gini mengikut Strata, Malaysia, 2009 dan 2014**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2.13 Satu sumber pendapatan. Pada tahun 2014, 64.7% isi rumah B40 adalah bergantung kepada satu punca pendapatan menyebabkan mereka mudah terjejas jika berlaku kejutan ekonomi.

2.14 Kadar kemiskinan keseluruhan telah berkurang daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 0.6% pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, insiden kemiskinan dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak masih tinggi, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-7*.


*Paparan 2-7*  
**Insiden Kemiskinan Berdasarkan Kumpulan Etnik, 2009 dan 2014**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Orang Asli

2.15 Enam negeri iaitu Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan, Kelantan, Sarawak, Perak dan Pahang telah mencatatkan insiden kemiskinan yang lebih tinggi daripada kadar kemiskinan peringkat nasional, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-8*.

*Paparan 2-8*  
**Insiden Kemiskinan Berdasarkan Negeri, Malaysia, 2014**



Nota: \*Kadar kemiskinan 0.0% merujuk kepada insiden kemiskinan kurang daripada 0.05%

\*\*Tidak termasuk 12 blok penghitungan dalam kawasan ESSCOM atas faktor keselamatan


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



## Pencapaian Pendidikan dan Penguasaan Kemahiran yang Rendah

2.16 Tahap pencapaian pendidikan yang rendah telah menjejaskan keupayaan isi rumah B40 untuk mendapat pekerjaan bergaji tinggi atau menceburi aktiviti perniagaan. Hanya 36.4% ketua isi rumah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf sementara 36% tidak mempunyai sijil, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-9*. 84.6% ketua isi rumah B40 mendapat pendidikan peringkat menengah dan ke bawah. Disebabkan tahap pendidikan yang rendah, 89.9% ketua isi rumah B40 bekerja dalam pekerjaan berkemahiran rendah dan separuh mahir.

*Paparan 2-9*  
Taburan Ketua Isi Rumah B40 Mengikut Sijil Tertinggi Diperolehi, 2014



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2.17 Kadar keciciran yang tinggi telah dikenal pasti sebagai satu daripada punca pencapaian pendidikan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40, terutamanya Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak. Kurang berminat untuk bersekolah, keadaan rumah yang tidak kondusif, kurang sokongan ibu bapa dan kesedaran yang rendah tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan isi rumah B40 telah menyumbang kepada kadar keciciran yang tinggi. Menurut Laporan *Malaysia Millennium Development Goals (MDGs) 2010*, lebih 90% pelajar sekolah menengah rendah dan 75% pelajar sekolah menengah atas yang tidak bersekolah adalah terdiri daripada isi rumah B40.

2.18 Di kawasan luar bandar, faktor seperti halangan geografi dan jarak yang jauh telah meningkatkan masa dan kos pengangkutan untuk hadir di sekolah. Kadar keciciran pelajar sekolah rendah dalam kalangan Orang Asli adalah 12.8%, manakala kadar keciciran bagi peralihan dari sekolah rendah ke sekolah menengah adalah 25.2% dan dari menengah rendah ke menengah atas adalah 49.2%. Kadar keciciran Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak juga adalah ketara bagi peralihan dari sekolah rendah ke menengah serta dari menengah rendah ke menengah atas.

## Pekerjaan Berkemahiran dan Bernilai Tambah Rendah

2.19 Majoriti ketua isi rumah B40 menceburi pekerjaan bergaji rendah termasuk 21.7% dalam perkhidmatan dan jualan, manakala 18.2% adalah pekerja mahir berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan. Di bandar, 26.5% ketua isi rumah bekerja dalam perkhidmatan dan jualan; 19.9% sebagai operator loji dan mesin; dan 15.4% sebagai pekerja kemahiran dan pertukangan yang berkaitan. Di luar bandar, 39.3% bekerja sebagai pekerja mahir berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan.

2.20 Lebih kurang 25%<sup>2</sup> ketua isi rumah Orang Asli terlibat dalam aktiviti pertanian dan perladangan berskala kecil manakala lebih 20% merupakan pekerja perkhidmatan<sup>3</sup> dan 14.9% bekerja sendiri. Dianggarkan 45.6% Bumiputera Sabah dan 50.3% Bumiputera Sarawak bekerja sendiri. Sebahagian besar daripadanya terlibat dalam sektor berasaskan pertanian, perhutanan dan perikanan manakala 0.9% merupakan majikan dalam aktiviti bernilai tambah rendah. Ini menyebabkan pendapatan mereka jauh lebih rendah daripada pendapatan nasional. Analisis ke atas paras gaji yang diterima oleh isi rumah B40 menunjukkan bahawa gaji purata bagi isi rumah B40 adalah sebanyak RM1,883 pada tahun 2014, berbanding gaji purata nasional sebanyak RM4,722<sup>4</sup>.

## Kurang Keupayaan Keusahawanan

2.21 Kebanyakan isi rumah B40 terlibat dengan perusahaan kecil dan mikro. Perusahaan ini lebih menumpukan kepada sektor bernilai tambah rendah seperti pembuatan, pemborongan, peruncitan dan pengangkutan. Menurut Pelan Induk PKS 2012–2020, antara halangan utama yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah keupayaan mengurus dan tenaga kerja mahir; akses kepada pembiayaan dan pemasaran; ketidakupayaan mengeksploitasi ekonomi bidangan dan kurang kuasa penawaran; dan akses kepada teknologi dan inovasi. Sebahagian prosedur dan peraturan tertentu tidak memihak kepada perusahaan kecil dan mikro berbanding syarikat besar.

2.22 Walaupun pelbagai skim pembiayaan disediakan, Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak kurang mendapat akses kepada skim pembiayaan tersebut, terutamanya di kawasan pedalaman. Ketidakupayaan memenuhi syarat yang ditetapkan telah menghadkan keupayaan usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

---

<sup>2</sup> Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli

<sup>3</sup> Sumber: e-Damak

<sup>4</sup> Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014)

## Peningkatan dalam Kos Sara Hidup

2.23 Peningkatan kos sara hidup merupakan isu utama yang dihadapi oleh isi rumah B40. Perbelanjaan bulanan purata isi rumah B40 meningkat 10.1% setahun daripada RM1,248 pada tahun 2009 kepada RM2,015<sup>5</sup> pada tahun 2014. Perbelanjaan bulanan isi rumah tanpa subsidi dijangka akan meningkat kepada RM2,579<sup>6</sup>. Kecenderungan tabungan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40 akan memberi kesan lebih besar kepada keperluan kewangan isi rumah B40. Berdasarkan *The Working Paper on The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups, 2013*, oleh Bank Negara Malaysia (BNM), menyatakan tabungan isi rumah berpendapatan rendah adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan selepas umur persaraan.

## Keberhutangan yang Tinggi

2.24 Tahap keberhutangan yang tinggi dalam kalangan isi rumah B40 juga mempengaruhi kedudukan kewangan mereka kerana kecenderungan mereka membuat pinjaman peribadi untuk menampung perbelanjaan harian. Pada tahun 2014, tahap keberhutangan isi rumah berpendapatan RM3,000 sebulan ke bawah adalah tujuh kali pendapatan tahunan mereka. Bagi isi rumah berpendapatan RM5,000 sebulan ke bawah tahap keberhutangan adalah antara tiga ke empat kali pendapatan tahunan.

## Pelaksanaan Program Jaringan Keselamatan Sosial secara Silo dan Berasingan

2.25 Program SSN di Malaysia dilaksanakan secara berasingan dan tidak disasarkan dengan tepat, mengakibatkan timbul isu *inclusion and exclusion error*. Isu *inclusion error* melibatkan isi rumah yang tidak layak menerima bantuan namun telah didaftarkan dan menerima manfaat daripada program tersebut. Manakala isu *exclusion error* pula melibatkan isi rumah yang layak menerima bantuan namun tidak berdaftar sebagai penerima dan tidak mendapat manfaat. Pelaksanaan program SSN yang berasaskan projek atau berorientasikan agensi telah mengakibatkan pertindihan program dan kumpulan sasar. Di samping itu, tumpuan kepada isi rumah miskin telah menghadkan liputan program SSN kepada isi rumah B40 yang lain, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-10*. Tambahan pula, pelaksanaan program perlindungan sosial secara universal telah mengakibatkan isu *inclusion*, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-11*. Mekanisme sasaran yang tidak selaras telah menyumbang kepada penetapan nilai *threshold* yang berbeza dalam menentukan kelayakan. Program SSN juga tidak mempunyai dasar penamatan yang jelas.

<sup>5</sup> Data awalan Penyiataan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014

<sup>6</sup> Data awalan Penyiataan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014

## Paparan 2-10

## Program Jaringan Keselamatan Sosial di Malaysia

Agensi	Program	Pendapatan Isi Rumah (RM)						
		≤520	521 - 860	861 - 1,000	1,001 - 2,000	2,001 - 3,000	3,001 - 4,000	≥4,000
KPM	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin	/						
	Rancangan Makanan Tambahan	/						
	Skim Bantuan Tuisyen	/						
	Program Susu 1Malaysia	/						
KPWK	Bantuan Orang Tua	/	/					
	Bantuan Kewangan untuk Kanak-kanak	/	/					
	Bantuan Awam Persekutuan	/	/					
	Bantuan Kewangan untuk OKU bekerja	/	/	/	/			
	Bantuan Kewangan untuk OKU tidak bekerja	/	/					
	Bantuan kewangan untuk pembiayaan peralatan sokongan /sintetik	/	/	/	/	/		
	Bantuan Kewangan untuk penjaga OKU terlantar	/	/	/	/	/		
	Geran Pelancaran	/	/	/	/			
	I-Kit	/	/					
	I-KeuNita	/	/					
	Jejari Kreatif	/	/					
	Jejari Bestari	/	/					
	Karisma (Kebajikan Rakyat 1Malaysia)	/	/					
1AZAM	/	/						
MOA	1AZAM Tani	/	/					
KSM	1AZAM Kerja	/	/					
AIM	1AZAM Niaga dan Khidmat	/	/					
KKLW	Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya	/	/					
	Program Pembangunan Minda Insan	/	/					
	Program Kecemerlangan Pendidikan	/	/					
	Program Pembangunan Komuniti Setempat	/	/					
	Program Pusat Penjagaan Kanak-kanak	/	/					
	Program Makanan Tambahan Seimbang	/	/					
ASB-Sejahtera	/	/						
MOH	Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat	/	/					

Program yang disasarkan bagi melindungi golongan miskin dan berpendapatan rendah

## Paparan 2-11

## Program Jaringan Keselamatan Sosial Universal

Perlindungan sosial	Program	Kumpulan Pendapatan Isi Rumah	
		Berpendapatan Rendah	Berpendapatan Menengah Rendah
Jaringan keselamatan sosial	Bantuan Sosial	/	
	Bantuan Selain Tunai	/	/
	Subsidi dan Barangan dan Perkhidmatan di bawah Kawalan Harga	/	/
Insuran sosial	Pencen Perkhidmatan Awam	/	/
	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	/	/
	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	/	/
	Insuran Pengangguran	/	/
	Insuran Penjagaan Kesihatan	/	/
Intervensi tenaga buruh	Dasar Gaji Minimum	/	
	Pembangunan Modal Insan	/	/
	Gantirugi Skim Pemisahan Sukarela (VSS)	/	/
	Program peningkatan pendapatan	/	/
	Penyaluran maklumat pasaran buruh yang komprehensif	/	/

## Ketidakupayaan Memiliki Rumah

2.26 Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2014, lebih kurang 15.9% isi rumah B40 di luar bandar dan 33.9% isi rumah di bandar tidak memiliki rumah, terutamanya di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Georgetown. Lebih kurang 30.1% isi rumah B40 dengan lebih daripada empat ahli isi rumah mendiami rumah dengan satu atau dua bilik. Di samping itu, harga rumah teres di kawasan bandar meningkat sebanyak lapan kali pendapatan purata isi rumah B40 pada tahun 2012. Berdasarkan *World Bank Affordability Index* (WBAI), indeks harga perumahan bagi Malaysia meningkat dari 6.7 pada tahun 2009 kepada 10.1 pada tahun 2012.

2.27 Keperluan perumahan dalam kalangan isi rumah B40 masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan perumahan bagi masyarakat di luar bandar. Sehubungan ini, terdapat keperluan tambahan bagi sebanyak 5,040 unit rumah untuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia, 28,542 unit bagi Bumiputera Sabah dan 17,865 unit bagi Bumiputera Sarawak.

## Capaian Terhad kepada Perkhidmatan Kesihatan yang Berkualiti

2.28 Isi rumah B40 di bandar bergantung kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan awam disebabkan bayaran lebih tinggi yang dikenakan oleh perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. *The Fourth National Health and Morbidity Survey* (NHMSIV) 2011, menunjukkan bahawa 76% isi rumah bandar yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan cenderung menggunakan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam untuk rawatan pesakit dalam dan 59% untuk rawatan pesakit luar yang mana 86.6% membayar sendiri kos rawatan tersebut. Tumpuan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan awam yang tinggi telah menyebabkan kesesakan bagi mendapat kemudahan berkenaan dan masa menunggu rawatan yang lama.

2.29 Di luar bandar, capaian isi rumah B40 kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah terhad disebabkan kekurangan pengangkutan dan kemudahan. Ini disebabkan oleh kawasan penempatan yang berselerak dan kepadatan penduduk yang rendah dalam kawasan yang luas. Sejumlah besar kemudahan penjagaan kesihatan awam di kawasan ini disediakan melalui klinik asas dan klinik bergerak serta perkhidmatan doktor udara. Kekerapan perkhidmatan penjagaan kesihatan bergerak tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan di kawasan berkenaan, terutamanya penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak.

## IV. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

2.30 Dalam tempoh RMKe-11, falsafah pertumbuhan dengan ekuiti akan diteruskan dengan memberi lebih penekanan kepada inklusiviti. Pendekatan pelaksanaan adalah secara pelbagai dimensi dengan mengambil kira perspektif 1Malaysia, sosial, geografi dan pendapatan. Bagi menyokong objektif pertumbuhan di Malaysia, prinsip mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berasaskan merit, telus, pro-pertumbuhan dan kemampuan akan diteruskan. Tumpuan akan diberi kepada meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah. Salah satu ciri yang membezakan masyarakat kelas menengah ialah sebahagian besar memiliki pendidikan tertiar dan terlibat dalam pekerjaan bergaji tinggi.

2.31 Sasaran yang hendak dicapai adalah seperti berikut:

- Meningkatkan saiz masyarakat kelas menengah kepada 45%
- Menggandakan pendapatan bulanan purata isi rumah B40 daripada RM2,537 pada tahun 2014 kepada RM5,270 pada tahun 2020 dan pendapatan bulanan penengah daripada RM2,629 pada tahun 2014 kepada RM5,701 pada tahun 2020
- Meningkatkan peratus isi rumah B40 yang berpendidikan tinggi daripada 9% pada tahun 2014 kepada 20% pada tahun 2020
- Meningkatkan bahagian pendapatan isi rumah B40 kepada pendapatan isi rumah nasional daripada 16.5% pada tahun 2014 kepada 20% pada tahun 2020


2.32 Selaras dengan ini, tiga strategi telah dikenalpasti untuk dilaksanakan seperti berikut:

- Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40 dengan membesarkan saiz masyarakat kelas menengah; mengurangkan kadar keciciran; memastikan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan untuk meningkatkan pemilikan kekayaan
- Menangani kos sara hidup yang meningkat dengan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan sistem SSN yang bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang
- Memperkukuh sistem penyampaian program B40 dengan menyelaras sokongan kepada isi rumah B40 dan melengkapkan pengukuran Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dengan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)

2.33 Kumpulan sasar yang akan diberi tumpuan termasuk:

- miskin bandar dan luar bandar
- kumpulan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar
- isi rumah mudah terjejas<sup>7</sup> dan aspirasi<sup>8</sup>

2.34 Strategi tersebut merangkumi 16 inisiatif adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 2-12*.



## Meningkatkan Pendapatan dan Kekayaan Isi Rumah B40

### Memperluas Saiz Masyarakat Kelas Menengah

2.35 Dalam usaha mewujudkan masyarakat kelas menengah yang bersaiz lebih besar, beberapa langkah akan diambil untuk merangsang pertumbuhan pendapatan kumpulan aspirasi dalam kalangan isi rumah B40. Usaha ini termasuk merapatkan jurang pencapaian

<sup>7</sup> Isi rumah mudah terjejas merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara PGK dan 2.5 kali PGK

<sup>8</sup> Isi rumah aspirasi merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara 2.5 kali PGK dan pendapatan purata nasional

pendidikan pasca menengah. Memandangkan sebahagian besar daripada isi rumah B40 dan kumpulan aspirasi di bandar merupakan golongan pekerja, majikan akan diberikan dorongan bagi menggalakkan pekerja mereka meneruskan pendidikan tinggi dan meningkatkan tahap kemahiran. Sementara itu, insentif seperti pinjaman mudah disediakan untuk pekerja meneruskan pengajian tinggi, seterusnya memperoleh pekerjaan yang bergaji tinggi bagi kehidupan yang selesa. Di samping itu, lebih banyak latihan kemahiran tahap tinggi akan ditawarkan untuk meningkatkan peluang mereka bersaing bagi mendapatkan pekerjaan bergaji tinggi dalam bidang teknikal.

2.36 PKS dalam kalangan isi rumah B40 dan kumpulan aspirasi akan disediakan lebih peluang untuk menambah baik keupayaan mereka dalam bidang berkaitan menerusi pelbagai skim pembiayaan dan memudah cara perniagaan. Perkongsian dengan syarikat besar dan industri akan dilaksanakan untuk menyediakan lebih banyak peluang perniagaan kepada PKS. Organisasi pembangunan keusahawanan (EDO) seperti SME Corp, SME Bank dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) akan terus menyediakan latihan keusahawanan bersesuaian dengan keperluan pasaran.

### ***Mengurangkan Kadar Keciciran Sekolah***

2.37 Kemudahan yang sesuai seperti asrama, pengangkutan dan bantuan kewangan akan terus disediakan kepada pelajar di kawasan luar bandar dan terpencil bagi membolehkan mereka melengkapkan pendidikan rendah dan menengah. Konsep Sekolah K9<sup>9</sup> akan diperluaskan bagi meningkatkan enrolmen pelajar khususnya di kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Tumpuan khusus akan diberikan untuk menangani keperluan kanak-kanak dari segmen yang telah dikenal pasti dalam kalangan kumpulan kurang mendapat manfaat, termasuk kanak-kanak dalam kalangan masyarakat Melayu dari isi rumah yang tinggal di kampung tradisi, masyarakat India dari estet dan bandar yang tersisih serta masyarakat Cina dari kampung baru. Program kesedaran khas berkaitan kepentingan pendidikan akan dilaksanakan untuk kanak-kanak sekolah dan ibu bapa untuk memberi inspirasi ke arah perubahan minda. Di samping itu, kemudahan selepas waktu persekolahan akan disediakan di sekolah untuk mengelakkan pelajar daripada terlibat dalam aktiviti yang tidak berfaedah serta membolehkan mereka berinteraksi dalam persekitaran yang selamat dan selesa, terutamanya untuk isi rumah B40 di bandar.

### ***Akses kepada Pendidikan Tinggi dan Latihan Kemahiran***

2.38 Akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran berkualiti dalam kalangan pelajar isi rumah B40 akan dipertingkatkan. Institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran

---

<sup>9</sup> Sekolah K9 merujuk kepada pendidikan sekolah rendah dan tiga tahun pertama pendidikan menengah di bawah satu bumbung (sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia)



akan digalakkan untuk menyediakan lebih banyak tempat bagi kumpulan pelajar ini berdasarkan kriteria kelayakan dan kuota kemasukan khas. Ini akan disokong dengan penyediaan bantuan pembiayaan. Pertimbangan khas akan diberi kepada pelajar berpotensi dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak dengan meningkatkan pengambilan pelajar cemerlang dalam sekolah berprestasi tinggi. Pengambilan pelajar berprestasi sederhana dalam kalangan Orang Asli ke Pusat Intelek Pelajar Orang Asli akan digandakan. Program bantuan pembelajaran seperti KWAPM, RMT dan Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform akan diperluaskan bagi membantu lebih ramai pelajar dalam kalangan isi rumah B40.

### ***Meningkatkan Produktiviti dengan Menggalakkan Penggunaan Teknologi Moden***

2.39 Isi rumah B40 di luar bandar yang bekerja sendiri seperti petani, nelayan dan pekebun kecil, akan digalakkan untuk menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Program modular berstruktur yang menumpukan teknik pertanian moden dan amalan pertanian baik akan terus dipergiat. Penyatuan tanah dan penggabungan aktiviti perniagaan berskala kecil akan terus digalakkan untuk mendapat faedah ekonomi bidangan. Peranan agensi yang berkaitan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan diperkukuh untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada golongan ini.

2.40 Program perladangan berskala besar seperti Agropolitan, Ladang Masyarakat, Mini Estet Sejahtera (MESEJ) dan Rancangan Penempatan Semula (RPS) akan diperluas. Pemilik tanah berskala kecil akan digalakkan untuk menggabungkan tanah mereka melalui gerakan koperasi supaya mencapai ekonomi bidangan dan menjamin pendapatan yang lebih baik dalam jangka masa panjang. Proses pemberian hakmilik tanah individu dan komuniti Orang Asli Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak akan dipercepatkan bagi membolehkan isi rumah mengusahakan tanah tersebut. Dasar Pelupusan dan Pemilikan Tanah Orang Asli dan prosedur pentadbiran dalam pemberian pemilikan tanah NCR untuk mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak akan disemak semula.

2.41 Bangunan dan ruang yang tidak digunakan di kawasan bandar akan dimanfaatkan sebagai kawasan pertanian bandar melalui penggunaan teknik moden seperti fertigasi, hidroponik dan *vertical farming*. Inisiatif ini akan diterajui oleh gerakan koperasi di lokasi majoriti didiami oleh isi rumah B40. Aktiviti pertanian bandar akan membekalkan makanan untuk kegunaan masyarakat tempatan serta menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang pengeluaran, pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran untuk menjana pendapatan tambahan. Usahawan berskala kecil dalam kalangan isi rumah B40 yang terlibat dalam

industri seperti percetakan, pembuatan makanan serta pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan akan digalakkan menggunakan teknologi moden. Ini akan meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran dan seterusnya menambah pendapatan. Agensi berkaitan seperti SME Corp, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) dan Institut Penyelidikan Standard dan Industri Malaysia Berhad (SIRIM) memudah cara penggunaan teknologi moden dalam kalangan usahawan.

### ***Meningkatkan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi***

2.42 Penggunaan ICT boleh meningkatkan akses kepada maklumat berkaitan pertanian, perniagaan, pendidikan dan kesihatan. Ia juga dapat memperluaskan peluang perniagaan dan penjana pendapatan serta meningkatkan kesejahteraan. Sehubungan itu, program eRezeki akan diperluas dalam kalangan isi rumah B40 melalui penggunaan ICT untuk menjana pendapatan tambahan. Latihan ICT asas akan diberi sebelum kumpulan sasar dipadankan dengan tugas bersesuaian seperti kemasukan data, pemantauan harga dan penterjemahan dokumen. Tugas mikro ini boleh dilaksanakan dari rumah atau *telecentre*.

2.43 Sokongan perniagaan melalui platform digital bagi perusahaan mikro akan diperluas bagi meningkatkan akses dan jangkauan pasaran. Bagi memperluaskan platform e-pembayaran untuk perusahaan mikro, terminal dan *readers* mampu milik yang diintegrasikan dengan aplikasi e-dagang akan disediakan. Di samping itu, perkhidmatan pepadanan perniagaan dalam talian untuk usahawan tempatan akan diperkenalkan di *telecentre*.

### ***Meningkatkan Sokongan Bersepadu kepada Usahawan***

2.44 Kerjasama agensi yang menyediakan program sokongan keusahawanan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana di bandar dan luar bandar seperti SME Corp, TEKUN Nasional dan AIM akan diperkukuh bagi menyediakan bantuan secara bersepadu dan mengurangkan pertindihan aktiviti. Peluang pembangunan perniagaan yang lebih luas akan disediakan oleh agensi berkenaan. Perusahaan mikro akan dihubungkan dengan institusi kewangan dan perbankan bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan. Syarikat besar termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan diberi insentif bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam mewujudkan usahawan, terutamanya dalam bidang utama seperti ICT, bioteknologi dan teknologi hijau.

2.45 SME Corp akan menyelaras pembangunan PKS yang dimiliki oleh isi rumah B40. Inisiatif ini termasuk pewujudan perkongsian pintar dengan institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk membantu PKS dalam menambahbaik kualiti produk, meningkatkan pematuhan kepada standard dan akses kepada pasaran. Untuk tujuan tersebut, SME Corp akan memperkenalkan pakej pembangunan keusahawanan bersepadu

daripada aktiviti peringkat permulaan perniagaan sehingga penempatan produk. Di samping itu, kemudahan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) akan diguna untuk mempermudah program latihan keusahawanan.

2.46 Persekitaran sosioekonomi yang sesuai akan diwujudkan bagi memudahkan aktiviti keusahawanan setempat dalam usaha menggalakkan keusahawanan luar bandar. Program orientasi keusahawanan akan menumpukan usaha merangsang bakat usahawan dan pertumbuhan syarikat milik penduduk tempatan. Proses ini adalah penting dalam mewujudkan pekerjaan dan menambah nilai ekonomi luar bandar di samping mengekalkan sumber yang terhad dalam kalangan masyarakat setempat. Langkah ini perlu diteruskan supaya, dalam jangka panjang, budaya keusahawanan dinamik dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat luar bandar. Inisiatif untuk memperkukuh akses pembiayaan dan latihan keusahawanan serta penyediaan perkhidmatan nasihat dan premis perniagaan akan dipertingkatkan. Inisiatif ini akan membolehkan mobilisasi belia di luar bandar untuk bekerja dan menyertai aktiviti keusahawanan serta mengurangkan migrasi belia ke bandar dan mengoptimumkan penggunaan sumber.

2.47 Satu pelan tindakan bersepadu bagi pembangunan keusahawanan Orang Asli di Semenanjung Malaysia akan dirangka bagi menyelaras usaha EDO untuk meningkatkan impak program bantuan ke arah mewujudkan kumpulan usahawan Orang Asli yang tulen, dinamik dan berdaya tahan. Program pembangunan latihan keusahawanan akan direkabentuk berdasarkan kemahiran intrinsik. Pendekatan termasuk pembelajaran berasaskan pengalaman dan mentor akan dilaksanakan secara usaha sama dengan NGO. Program latihan ini akan dilengkapi dengan bantuan lain seperti pembiayaan, pembungkusan dan pemasaran produk.

2.48 UTC, RTC dan mini RTC di Sabah dan Sarawak akan digunakan bagi membantu isi rumah B40 dan usahawan PKS di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak meningkatkan akses kepada pasaran. Pusat ini akan menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk pelabelan, pembungkusan, pengagihan, penyimpanan dan pemasaran produk. Usaha juga akan diambil untuk menggalakkan perkongsian pintar dengan institusi penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan kualiti produk dan melaksanakan inovasi berterusan bagi memenuhi corak perubahan pasaran.

### ***Membangunkan Perusahaan Berasaskan Komuniti dan Sosial***

2.49 Satu pendekatan sistematik akan diperkenal untuk menubuhkan perusahaan komuniti dan sosial berasaskan model koperasi bagi menjalankan aktiviti seperti pusat asuhan dan jagaan kanak-kanak, pusat tuisyen dan rumah anak yatim bagi isi rumah B40 di bandar. Infrastruktur dan kemudahan yang bersesuaian akan disediakan di samping latihan pengurusan kepimpinan untuk membina keupayaan dan kemampuan perusahaan ini.

Perusahaan ini akan digalakkan untuk mewujudkan kerjasama dengan syarikat yang kukuh bagi memperluas aktiviti mereka.

2.50 Di luar bandar, golongan isi rumah B40, terutamanya Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan mereka yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak, akan digalakkan untuk menubuh perusahaan komuniti berasaskan koperasi termasuk penyediaan dana permulaan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Perusahaan ini akan menumpukan aktiviti yang memanfaatkan kelebihan dan keunikan budaya mereka seperti kraftangan, produk berasaskan hutan, eko pelancongan dan inapan keluarga. Belia di luar bandar akan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam program khusus untuk menarik penglibatan masyarakat setempat. GLC dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan, wilayah dan pembangunan koridor berkaitan untuk membangunkan keupayaan dan menyediakan peluang perniagaan bagi perusahaan komuniti ini.

### ***Menggalakkan Pelaburan di Kawasan Majoriti Isi Rumah B40***

2.51 Sektor swasta, terutamanya syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar tempatan, akan diberi galakan melalui penyediaan Dana Mudahcara untuk menempatkan premis perniagaan atau kilang mereka di bandar dan luar bandar yang mempunyai majoriti isi rumah B40. Galakan ini bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan yang lebih baik, terutamanya pekerjaan bergaji tinggi. Pelaburan di luar bandar akan memanfaatkan sumber asli tempatan. Insentif sedia ada seperti potongan cukai berganda dan pelepasan cukai akan diberi bagi menggalakkan MNC dan syarikat tempatan yang besar mengambil dan melatih tenaga kerja tempatan. Infrastruktur dan kemudahan asas juga akan disediakan untuk menyokong perniagaan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Di luar bandar, kemudahan bersepadu seperti perkhidmatan perbankan, pos dan pemasaran di pusat pembangunan luar bandar, terutamanya di penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan kawasan majoriti populasi isi rumah B40 di Sabah dan Sarawak.

2.52 Insentif kewangan dan bukan kewangan sedia ada yang bersesuaian akan diperluaskan untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan dan pewujudan pekerjaan di luar bandar. Syarikat tempatan dan luar negara yang besar, akan digalakkan untuk melabur di luar bandar dan mengambil peluang memanfaatkan sumber asli tempatan, sekaligus menyediakan peluang pekerjaan kepada isi rumah B40 serta menarik dan mengekalkan tenaga kerja di luar bandar. Di samping itu, rangka kerja kawal selia sedia ada akan ditambah baik untuk menyediakan persekitaran yang menyokong perniagaan, termasuk penyediaan kemudahan bersepadu seperti perbankan, perkhidmatan pos dan pemasaran di pusat pembangunan luar bandar.

### ***Memperluas Program Pelaburan untuk Meningkatkan Pemilikan Kekayaan***

2.53 Skim unit amanah seperti Amanah Saham Wawasan (ASW), Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) dan Amanah Saham Gemilang akan diperluas untuk meningkatkan pemilikan ekuiti dalam kalangan isi rumah B40. Program kesedaran mengenai faedah pelaburan dalam skim tersebut akan dilaksanakan secara intensif untuk meningkatkan penyertaan isi rumah B40.

2.54 Koperasi akan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) untuk meningkatkan pemilikan aset dalam kalangan isi rumah B40. Ia juga akan menjalankan pembangunan hartanah komersial di lokasi strategik dan membina unit kediaman mampu milik untuk isi rumah B40 di bandar.

### **Menangani Peningkatan Kos Sara Hidup**

#### ***Memperkuh Pemantauan dan Penguatkuasaan Peraturan berkaitan Kawalan Harga***

2.55 Usaha akan terus diambil untuk memperkuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan kawalan harga untuk mengekang kenaikan harga yang tidak munasabah, terutamanya keperluan asas. Pengguna akan memainkan peranan yang lebih dengan membuat laporan mengenai amalan penetapan harga dan penyimpanan bekalan yang tidak beretika oleh peruncit. Ini boleh dilakukan melalui Skwad Pengguna, persatuan pengguna dan sistem eAduan. Pemantauan harga akan memastikan bekalan barangan dan perkhidmatan yang stabil dan mencukupi serta mengekang aktiviti spekulasi pasaran secara keterlaluan, seterusnya meningkatkan kecekapan pasaran dan kuasa beli. Program 1Harga 1Malaysia akan diteruskan untuk menyeragamkan harga barangan bersubsidi antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Liputan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan kedai Coop1Malaysia juga akan diperluas ke seluruh negara untuk meningkatkan akses secara lebih menyeluruh kepada barangan harga patut dan seterusnya mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Di samping itu, inisiatif juga akan diambil untuk memupuk pengurusan kewangan yang berhemat sebagai satu cara hidup dengan memperoleh pengetahuan, kemahiran dan peralatan yang diperlukan.

#### ***Meningkatkan Penyediaan Rumah Mampu Milik***

2.56 Kerajaan akan terus memastikan rumah mampu milik disediakan kepada isi rumah B40. Pinjaman pada kadar faedah istimewa dengan tempoh moratorium untuk menjual hartanah selama 10 tahun akan ditawarkan bagi membantu isi rumah B40 memiliki rumah.

Skim perumahan mampu milik oleh Perbadanan PR1MA Malaysia dan Syarikat Perumahan Negara Berhad akan diteruskan. Bantuan sewa rumah juga akan disediakan kepada isi rumah yang layak. Di samping itu, kerajaan negeri juga akan digalakkan untuk menetapkan kuota rumah mampu milik yang mencukupi.

2.57 Dasar perumahan untuk isi rumah B40 akan memberi penekanan kepada kualiti dan penyelenggaraan. Rumah pangsa dan rumah kos rendah sedia ada akan dibaik pulih sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh untuk menambah baik persekitaran tempat tinggal komuniti. Bagi isi rumah miskin di luar bandar, terutamanya Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak, Kerajaan akan terus menyediakan perumahan yang dilengkapi dengan kemudahan asas melalui pembinaan penempatan bersepadu di bawah PBR. Program Perumahan Rakyat (PPR) akan terus disediakan kepada isi rumah miskin di bandar.

### ***Meningkatkan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Awam***

2.58 Kerajaan akan menggalakkan penyertaan penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan NGO untuk menyediakan pusat kemudahan khusus seperti dialisis, pemulihan dan makmal ujian perubatan di bandar. Kemudahan ini akan menjadi pelengkap kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan sedia ada yang diberi oleh Kerajaan.

2.59 Di luar bandar, lebih banyak klinik desa akan dibina untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan asas. Ke kerap lawatan oleh pakar perubatan ke hospital daerah bukan pakar, klinik bergerak dan perkhidmatan doktor udara juga akan ditambah manakala program sukarelawan kesihatan tempatan akan diperkasa. Program kesihatan lain seperti bakul makanan, *community feeding* dan imunisasi akan diteruskan. Di samping itu, program kesedaran dan pendidikan kesihatan keluarga seperti pemakanan, perancangan keluarga dan gaya hidup sihat akan terus dipergiat.

### ***Memperkenal Sistem Jaringan Keselamatan Sosial yang Bersepadu dan Komprehensif***

2.60 Program SSN yang komprehensif dan bersepadu akan dibangunkan untuk mempertingkatkan penyelarasan dan impak program keselamatan sosial. Satu badan penyelarasan peringkat tertinggi akan ditubuhkan untuk menyediakan panduan dasar bagi keseluruhan sistem perlindungan sosial. Strategi Perlindungan Sosial Nasional akan dirangka untuk merasionalisasi program perlindungan sosial serta menyelaraskan pelaksanaan program tersebut untuk mengoptimumkan penggunaan sumber. Program SSN dengan objektif yang sama akan digabungkan dan bantuan tanpa syarat serta tidak berasaskan

produktiviti akan dikurangkan. Dasar penamatan yang jelas akan diambil kira dalam semua program SSN bagi mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan.

2.61 Satu mekanisme sasaran yang tunggal dan seragam untuk semua program SSN akan dibangunkan untuk mengenal pasti penerima yang layak dengan membangunkan profil penerima bantuan yang komprehensif. Sehubungan ini, sistem pangkalan data program SSN seperti e-Damak, e-Bantuan dan e-BR1M akan diintegrasikan ke dalam sistem eKasih untuk membentuk pangkalan data tunggal nasional yang komprehensif. Pangkalan data ini juga akan mengandungi maklumat mengenai insurans sosial dan intervensi pasaran buruh. Agensi Kerajaan akan merujuk kepada eKasih untuk mengenal pasti penerima bantuan seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan isi rumah miskin.

2.62 Program kebajikan sosial tanpa syarat termasuk bantuan dan subsidi juga akan dikaji semula supaya mengambil kira sasaran yang jelas berasaskan produktiviti dan dasar penamatan. Program ini akan memastikan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar yang tepat, mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan dan mengoptimumkan penggunaan sumber. Namun demikian, program pindahan tunai dan bantuan kewangan lain bagi warga emas dan OKU yang tidak produktif akan terus dilaksanakan.

### ***Meningkatkan Program Pengurusan Kewangan dan Hutang***

2.63 Tahap literasi dan keupayaan pengurusan kewangan akan diperkukuh sepanjang tahap kehidupan untuk memupuk pengurusan kewangan berhemat dari usia muda serta untuk mengelakkan kadar keberhutangan yang tinggi dalam kalangan isi rumah B40. Dalam hubungan ini, pendidikan kewangan dan khidmat nasihat hutang akan dipergiat untuk membantu isi rumah menambah baik pengurusan kewangan dan amalan bertanggungjawab, termasuk penggunaan kredit pengguna yang bersesuaian dan penstrukturan semula hutang.

2.64 Di samping itu, tabiat dan amalan kewangan dalam kalangan penghutang dan pemiutang akan diperkukuh. Dalam hubungan ini, perundangan yang bersepadu dan diperkukuh akan dilaksanakan untuk mentadbir urus aktiviti kredit pengguna untuk bank dan juga pemiutang bukan bank. Manakala, kutipan, pengurusan dan perkongsian data berkaitan dengan keberhutangan isi rumah dalam kalangan pihak berkuasa dan agensi Kerajaan pada peringkat Persekutuan akan diperkukuh untuk membolehkan analisis dan pembangunan yang berkesan.

## Memperkukuh Sistem Penyampaian Program Isi Rumah B40

### ***Memperkemaskan Sokongan kepada Isi Rumah B40***

2.65 Satu mekanisme akan diwujudkan untuk memperkemas, merasionalisasi dan menyelaraskan pelbagai usaha oleh agensi untuk meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah. Bagi memastikan program dan projek adalah selaras dengan dasar dan strategi negara, mekanisme tersebut akan mengguna pakai pendekatan *bottom-up* yang menggalakkan penyertaan dan komitmen semua pihak berkepentingan bermula daripada mengenalpasti masalah sehingga pemantauan dan penilaian program. Jawatankuasa Kumpulan Fokus pada peringkat daerah akan diperkasa untuk memastikan pembangunan program adalah konsisten dan memenuhi keperluan.

### ***Melengkapkan Pengukuran Paras Garis Kemiskinan dengan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi***

2.66 MPI, pendekatan pengukuran kemiskinan relatif yang diamalkan oleh negara maju, akan diguna pakai untuk melengkapi kaedah pengukuran berasaskan pendapatan mutlak, iaitu PGK. MPI mengukur akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas yang membantu mobiliti sosial dan membolehkan analisis berasaskan intensiti, dan seterusnya mengenal pasti keperluan isi rumah berpendapatan rendah dengan lebih jelas. Perincian MPI seperti di *Kotak 2-1*.

#### *Kotak 2-1*

#### **Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)**

Di Malaysia, secara tradisinya kemiskinan diukur dalam satu dimensi, iaitu menggunakan PGK. Isi rumah yang tidak mencapai tahap pendapatan tertentu dianggap miskin. Pada tahun 2010, United Nations Development Programme (UNDP) telah menggunakan MPI dalam Human Development Report.

Selaras dengan ini, Malaysia juga telah membangunkan pengukuran MPI pada peringkat nasional yang bersesuaian untuk kesejahteraan sosioekonomi dan rangka kerja pembangunan negara. Penggunaan MPI akan memastikan peralihan pertimbangan sesuatu dasar melangkaui isu kemiskinan termasuk isi rumah mudah terjejas. MPI akan melengkapi PGK bagi mengukur dan memantau kemiskinan dari perspektif pelbagai dimensi.

MPI mencerminkan kedua-dua insiden ketersisihan pelbagai dimensi (bilangan penduduk yang mengalami ketersisihan dalam pelbagai aspek kehidupan dalam populasi tertentu) dan intensity (berapa batas ketersisihan dialami secara purata pada sesuatu masa). Pendekatan ini terdiri daripada empat dimensi dengan 11 indikator. Isi rumah yang mengalami ketersisihan dalam sekurang-kurangnya satu pertiga daripada indikator wajaran dianggap sebagai mudah terjejas atau



berhadapan dengan risiko menjadi miskin dari pelbagai dimensi.

#### Dimensi, Indikator, Batas Ketersisihan dan Wajaran MPI

Dimensi	Indikator	Batas Ketersisihan	Wajaran
Pendidikan	Bilangan tahun persekolahan	Semua ahli isi rumah berumur 17-60 mempunyai kurang daripada 11 tahun persekolahan	1/8
	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak di antara 6-16 tahun yang tidak bersekolah	1/8
Kesihatan	Akses kepada kemudahan kesihatan	Jarak kepada kemudahan kesihatan melebihi 3 km dan tiada kemudahan klinik kesihatan bergerak disediakan	1/8
	Akses kepada bekalan air minum bersih	Selain daripada bekalan air terawat di dalam rumah dan paip air awam/paip berdiri	1/8
	Bilangan bilik tidur	Lebih 2 ahli isi rumah/bilik	1/24
	Kemudahan tandas	Selain daripada tandas pam	1/24
	Kemudahan kutipan sampah	Tiada kemudahan	1/24
	Pengangkutan	Semua ahli isi rumah sama ada tidak menggunakan pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam	1/24
	Akses kepada alat komunikasi asas	Tidak memiliki telefon talian tetap atau telefon bimbit	1/24
Pendapatan	Pendapatan bulanan purata isi rumah	Pendapatan bulanan purata isi rumah kurang daripada PGK	1/4

## V. KESIMPULAN

2.67 Dalam tempoh RMKe-11, penekanan akan diberikan untuk meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah. Keutamaan akan diberi kepada meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40, menangani peningkatan kos sara hidup dan keberhutangan isi rumah yang tinggi serta memastikan penyampaian program yang cekap. Tumpuan juga akan diberikan kepada pengukuhan program SSN bagi memastikan kesejahteraan isi rumah B40 terutama Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Bumiputera di Sabah dan Bumiputera di Sarawak.